

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, September 13, 2017 12:09 AM
To: UUM - All Staff
Subject: SEMUA STAF: Tatacara Pemakaian Sepanjang Tempoh Perkabungan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



13 SEPTEMBER 2017 / 22 ZULHIJAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**UUM ONLINE: TEMPOH PERKABUNGAN SELAMA 7 HARI BAGI MENGHORMATI
KEMANGKATAN ALMARHUM KDYMM TUANKU SULTAN KEDAH**

Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/ Y. Berusaha Prof./ tuan/ puan, Kerajaan Negeri Kedah telah menetapkan tempoh berkabung selama tujuh (7) hari bermula 11 September 2017 sehingga 17 September 2017 bagi menghormati kemangkatan Almarhum KDYMM Tuanku Sultan Kedah. Sepanjang tempoh ini semua bentuk hiburan, keramaian dan perayaan adalah dibatalkan. Bagi UUM, semua program seperti yang dimaksudkan hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh yang lain.

Semua bendera Negeri Kedah, Persekutuan dan Universiti yang dipasang di bangunan dan premis Universiti hendaklah dikibarkan secara separuh tiang selama tiga (3) hari iaitu sehingga 13 September 2017 ini.

Tatacara pemakaian sepanjang tempoh perkabungan adalah seperti berikut:-

- 1. Lelaki Islam perlu memakai songkok berlilit putih (saiz satu inci) dan perempuan Islam memakai tudung berwarna gelap.**
- 2. Lelaki bukan beragama Islam pula hendaklah mengenakan lilitan putih (saiz 3 inci) di lengan sebelah kiri manakala perempuan yang bukan beragama Islam pula perlu berpakaian yang sopan.**

Semua staf UUM dikehendaki mematuhi arahan ini sepanjang tempoh perkabungan demi menzahirkan rasa hormat kepada Almarhum yang juga merupakan Canselor Universiti ini.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Pendaftar

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.